



SIARAN AKHBAR

INDEKS SENTIMEN PERNIAGAAN (BUSINESS SENTIMENT INDEX) BAGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI JANUARI 2025 [DIKEMASKINIKAN PADA 7 APRIL 2025]

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah menerbitkan Indeks Sentimen Perniagaan atau Business Sentiment Index (BSI) Negara Brunei Darussalam bagi Januari 2025. Indeks ini adalah berdasarkan kaji selidik ke atas hampir 500 buah perniagaan bersaiz mikro, kecil, sederhana, dan besar dari 11 sektor ekonomi, di kesemua daerah di Negara Brunei Darussalam.
2. BSI bertujuan untuk mengukur tahap sentimen atau keyakinan perniagaan di Negara Brunei Darussalam dalam berbagai aspek termasuk keadaan semasa dan jangkaan bagi iklim perniagaan, pelaburan, pengambilan pekerja, dan kos menjalankan perniagaan. Memandangkan BSI menggunakan pendekatan berpandangan ke hadapan, indeks ini boleh digunakan sebagai salah satu petunjuk awal keadaan makroekonomi negara.

3. Keterangan indeks adalah seperti berikut:

Nilai BSI	Ulasan
Atas 50	Keadaan yang lebih baik / Sentimen lebih optimistik berbanding dengan bulan sebelumnya
50	Keadaan lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya
Bawah 50	Keadaan yang merosot / Sentimen lebih pesimistik berbanding dengan bulan sebelumnya

4. Indeks utama BSI, iaitu **Sub-indeks Keadaan Perniagaan** adalah 50.3 bagi Januari 2025. Selaras dengan jangkaan dari bulan sebelumnya, ini menunjukkan bahawa perniagaan sektor swasta secara amnya menjangka keadaan perniagaan yang lebih baik pada bulan Januari 2025. Hasil kaji selidik menggambarkan keadaan optimistik dengan peningkatan permintaan yang didorong oleh pemulihan selepas musim cuti, sambutan perayaan, dan acara berskala besar sepanjang bulan Januari 2025. Perniagaan menjangka pemulihan ketara dalam aktiviti perniagaan dengan kembalinya pengguna dari percutian dan pengembalian semula operasi perniagaan seperti biasa. Sambutan Tahun Baru Cina juga memperkukuhkan lagi pemulihan ini, dengan peningkatan jualan bagi pelbagai sektor. Selain itu, acara-acara seperti Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan memberikan dorongan besar dalam meningkatkan penglibatan pengguna, mempamerkan produk baharu, dan merangsang perbelanjaan tempatan. Meskipun masih terdapat cabaran seperti kekurangan tenaga kerja dan risiko berkaitan dengan cuaca, para peniaga mengambil peluang pada bulan Januari 2025 untuk meningkatkan prestasi.

Indeks keadaan perniagaan bagi satu bulan ke hadapan juga berada di tahap 50.3, namun beberapa perniagaan menunjukkan sedikit kewaspadaan terhadap prospek perniagaan. Jangkaan untuk penambahbaikan keadaan perniagaan didorong oleh projek-projek baharu dan persiapan untuk bulan Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang akan datang. Walau bagaimanapun, kebimbangan mengenai penurunan aktiviti pada bulan Februari 2025, kerana ia merupakan bulan bekerja yang lebih pendek, mungkin mengurangkan sentimen positif dalam beberapa sektor.

5. **Sub-indeks Pelaburan** adalah 50.1 bagi kesemua sub-indeks; Januari 2025, satu bulan ke hadapan, dan tiga bulan ke hadapan. Ini menunjukkan peningkatan yang sedikit namun berterusan dalam aktiviti pelaburan. Untuk Januari dan Februari 2025, ini terutamanya berkaitan dengan penaiktarafan infrastruktur sistem, kerja-kerja pengubahsuaian, pembelian mesin dan alat berkaitan projek, serta penambahan semula stok inventori untuk memenuhi permintaan semasa musim perayaan. Memandang ke hadapan, fokus beralih kepada pengembangan operasi dengan peningkatan aktiviti perniagaan, termasuk pembukaan cawangan dan ruang pameran baharu, dan memperolehi aset sebagai persediaan projek-projek akan datang.
6. **Sub-indeks Pengambilan Pekerja** adalah 50.2 bagi Januari 2025 dan 50.3 bagi satu bulan ke hadapan. Tren peningkatan pengambilan pekerja, yang dicatat pada bulan-bulan sebelum ini, berterusan ke Januari dan Februari 2025. Secara amnya, ini didorong oleh usaha pengambilan pekerja yang dilaksanakan, penambahan tenaga kerja, dan permintaan bermusim. Pada bulan Januari 2025, perniagaan menjangka akan mengisi kekosongan, menggantikan pekerja yang berhenti, dan menyokong operasi dengan pengambilan pekerja baharu, pekerja sambilan, dan intern (pelatih). Bagi beberapa perniagaan, ini juga termasuk mengambil graduan melalui kerjasama dari institusi-institusi pengajian tinggi seperti Politeknik Brunei dan Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) dan juga melalui program i-Ready. Pengambilan pekerja bermusim, seperti untuk Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan, turut meningkatkan permintaan tenaga kerja sementara untuk bulan Januari 2025. Tren pengambilan pekerja juga dijangka akan berterusan ke bulan Februari 2025 bagi menyokong persiapan untuk cawangan baharu serta permintaan sempena sambutan bulan Ramadhan dan Hari Raya Aidilfitri.

Data bagi sub-indeks Kos Perniagaan di perenggan 7 telah dikemaskini pada 7 April 2025.

7. **Sub-indeks Kos Perniagaan** adalah 50.0 bagi Januari 2025 dan 49.9 bagi satu bulan ke hadapan. Secara amnya, ini menunjukkan bahawa perniagaan menjangka kos operasi pada tahap yang sama bagi bulan Januari 2025 dan akan menurun sedikit pada bulan Februari 2025. Hasil kaji selidik menunjukkan sentimen ini terutamanya dipengaruhi oleh sektor-sektor Minyak dan Gas dan Yang Berkaitan, Pengangkutan & Komunikasi, serta Pembuatan, yang menurunkan sub-indeks kos perniagaan. Bagi bulan Januari 2025, ini disebabkan oleh langkah-langkah penjimatan kos dan pengembalian kos operasi seperti biasa. Manakala bagi bulan Februari 2025, jangkaan kos yang lebih rendah adalah disebabkan oleh bulan bekerja yang lebih pendek yang mengurangkan perbelanjaan dan kos operasi. Sentimen mengenai kos bagi sektor-sektor yang lain secara amnya adalah berbeza, di mana sesetengah sektor melaporkan kos yang lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya. Sebaliknya, terdapat perniagaan yang menjangka kos yang lebih tinggi disebabkan oleh peningkatan aktiviti perniagaan, kenaikan harga bahan mentah, dan perbelanjaan gaji yang lebih tinggi daripada penambahan tenaga kerja. Perbezaan ini mencerminkan keadaan operasi dan faktor bermusim yang berbeza merentasi sektor-sektor perniagaan.

BSI Januari 2025	
Keadaan Perniagaan	50.3
Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Pelaburan	50.1
Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan	50.1
Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan	50.1
Pengambilan Pekerja	50.2
Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan	50.3
Kos Perniagaan	50.0
Kos Satu Bulan ke Hadapan	49.9

8. Dari segi **sektor ekonomi**, lapan daripada 11 sektor berpandangan optimistik pada Januari 2025. Sektor Kesihatan & Pendidikan mencatat indeks optimistik tertinggi pada tahap 50.6, didorong oleh permintaan yang lebih tinggi dengan kembalinya para pengguna dari percutian dan permulaan penggal persekolahan. Sektor Perdagangan Borong & Runcit menunjukkan sentimen optimistik kepada tren bermusim, permintaan Tahun Baru Cina, dan acara-acara seperti Pesta Pengguna dan Ekspo Perdagangan, di mana keadaan perniagaan turut disokong oleh perbelanjaan bonus. Bagi sektor Minyak & Gas dan Yang Berkaitan, peningkatan prestasi perniagaan dikaitkan dengan beberapa faktor, termasuk keadaan pasaran global yang menggalakkan, jumlah jualan yang lebih tinggi, serta kepulangan pekerja dari percutian dan permulaan projek baharu. Sektor Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Penternakan mengaitkan sentimen optimistik dengan pengembalian para pengguna dari bercuti dan peningkatan pengeluaran untuk memenuhi permintaan yang lebih tinggi semasa sambutan Tahun Baru Cina meskipun terdapat cabaran-cabaran berkaitan dengan cuaca. Perniagaan dalam sektor Hotel & Restoran, Perkhidmatan Lain, Pembuatan, serta Kewangan & Insurans mengongsikan sentimen optimistik yang serupa, dengan prestasi didorong oleh pemulihan selepas musim percutian, peningkatan permintaan semasa perayaan, tawaran produk baharu, penyertaan dalam acara, dan projek baharu, dengan jangkaan pertumbuhan lanjut akan disokong oleh projek-projek kerajaan. Sebaliknya, tiga sektor melaporkan pandangan pesimistik, terutamanya sektor Pengangkutan & Komunikasi berikutan peralihan dari musim puncak cuti ke tempoh luar puncak pada Januari 2025, serta penyediaan kontrak-kontrak utama. Sektor-sektor Pembinaan, dan Harta Tanah & Pemilikan Kediaman melaporkan cabaran seperti kekurangan projek, tahap persaingan yang lebih tinggi, dan kebimbangan mengenai tarikh-tarikh blackout¹ yang mungkin mengurangkan aktiviti dan mengakibatkan pendapatan yang lebih rendah. Selain itu, penangguhan pembayaran dan cabaran operasi berkaitan gangguan cuaca juga menjadi kebimbangan yang dikongsikan oleh para peniaga merentasi sektor.

Keadaan Perniagaan Januari 2025 Mengikut Sektor	
Kesihatan & Pendidikan	50.6
Perdagangan Borong & Runcit	50.5
Minyak & Gas dan yang Berkaitan	50.4
Pertanian, Perhutanan, Perikanan & Ternakan	50.3
Hotel & Restoran	50.2

¹ Tarikh-tarikh blackout merupakan hari-hari atau bulan-bulan tertentu di mana aktiviti-aktiviti atau acara-acara hiburan awam tidak dibenarkan.

Perkhidmatan Lain	50.2
Pembuatan	50.1
Kewangan & Insurans	50.1
Pembinaan	49.9
Harta Tanah & Pemilikan Kediaman	49.9
Pengangkutan & Komunikasi	49.3

9. Indeks dari segi **saiz perniagaan**, hanya perniagaan bersaiz besar mempunyai pandangan optimistik manakala yang lain bersaiz mikro, kecil dan sederhana melaporkan indeks pada tahap 50.0, atau jangkaan keadaan perniagaan yang hampir sama berbanding dengan bulan sebelumnya. Hasil kaji selidik menunjukkan sentimen yang berbeza pada peringkat sektor pada bulan Januari 2025. Sementara itu, perniagaan bersaiz besar, kecuali yang berada dalam sektor Pengangkutan dan Komunikasi, secara amnya menjangka penambahbaikan dalam keadaan perniagaan pada bulan Januari 2025 berikutan pemulihan selepas musim percutian dengan peningkatan aktiviti ditujukan kepada penyertaan dalam acara dan permintaan sambutan Tahun Baru Cina.

Keadaan Perniagaan Januari 2025 Mengikut Saiz	
Mikro	50.0
Kecil	50.0
Sederhana	50.0
Besar	50.3

10. Carta untuk BSI dan sub-indeksnya sejak bulan Ogos 2020 adalah di **LAMPIRAN 1**. Untuk mendapatkan maklumat lebih terperinci mengenai BSI, orang ramai boleh merujuk kepada nota teknikal mengenai metodologi dan statistik di laman web BDCB di www.bdcg.gov.bn. Orang ramai juga boleh mengikuti perkembangan BSI melalui siaran akhbar yang akan datang dan akaun Instagram BDCB @centralbank.brunei.


Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: Ramadan 1446H / Mac 2025M

Ruj: BDCB/COMMS/3


LAMPIRAN 1

Keadaan Perniagaan



Nota: Bagi Keadaan Perniagaan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan keadaan perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Keadaan Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot / sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Pelaburan




Ogos-20	Sep-20	Okt-20	Nov-20	Dis-20	Jan-21	Feb-21	Mac-21	Apr-21
Mei-21	Jun-21	Jul-21	Ogos-21	Sep-21	Okt-21	Nov-21	Dis-21	Jan-22
Feb-22	Mac-22	Apr-22	Mei-22	Jun-22	Jul-22	Ogos-22	Sep-22	Okt-22
Nov-22	Dis-22	Jan-23	Feb-23	Mac-23	Apr-23	Mei-23	Jun-23	Jul-23
Ogos-23	Sep-23	Okt-23	Nov-23	Dis-23	Jan-24	Feb-24	Mac-24	Apr-24
Mei-24	Jun-24	Jul-24	Ogos-24	Sep-24	Okt-24	Nov-24	Dis-24	Jan-25

Nota: Bagi Pelaburan Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini manakala Pelaburan Tiga Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pelaburan tiga bulan ke hadapan berbanding bulan kaji selidik dikendalikan.

Bagi Pelaburan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan pelaburan berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan pelaburan berbanding bulan sebelumnya.


Pengambilan Pekerja



Nota: Bagi Pengambilan Pekerja Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan pengambilan pekerja satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini.

Bagi Pengambilan Pekerja, indeks yang melebihi 50 menunjukkan penambahan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan lebih kurang sama /tiada perubahan ke atas jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan pengurangan jumlah pekerja berbanding bulan sebelumnya.

Kos




Ogos-20 Sep-20 Okt-20 Nov-20 Dis-20 Jan-21 Feb-21 Mac-21 Apr-21 Mei-21 Jun-21
 Jul-21 Ogos-21 Sep-21 Okt-21 Nov-21 Dis-21 Jan-22 Feb-22 Mac-22 Apr-22 Mei-22
 Jun-22 Jul-22 Ogos-22 Sep-22 Okt-22 Nov-22 Dis-22 Jan-23 Feb-23 Mac-23 Apr-23
 Mei-23 Jun-23 Jul-23 Ogos-23 Sep-23 Okt-23 Nov-23 Dis-23 Jan-24 Feb-24 Mac-24
 Apr-24 Mei-24 Jun-24 Jul-24 Ogos-24 Sep-24 Okt-24 Nov-24 Dis-24 Jan-25

Nota: Bagi Kos Satu Bulan ke Hadapan, indeks menunjukkan jangkaan kos perniagaan satu bulan ke hadapan berbanding bulan ini. Bagi Kos Perniagaan, indeks yang melebihi 50 menunjukkan peningkatan kos.

Indeks pada paras 50 menunjukkan kos yang lebih kurang sama berbanding dengan bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan penurunan kos.


BSI mengikut sektor ekonomi bagi Ogos 2020 hingga Januari 2025



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama

berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.

Sentimen Menurut Saiz Perniagaan



Nota: Indeks yang melebihi 50 menunjukkan keadaan yang lebih baik / sentimen lebih optimistik berbanding bulan sebelumnya. Indeks pada paras 50 menunjukkan keadaan lebih kurang sama berbanding bulan sebelumnya dan indeks yang kurang daripada 50 menunjukkan keadaan yang merosot /sentimen lebih pesimistik berbanding bulan sebelumnya.